

ICAN yang angkin makanan ternakan

Oleh LAUPA JUNUS

PERKEMBANGAN industri ternakan di negara ini masih berada di tahap kurang memuaskan terutamanya bagi penternakan haiwan ruminan yang merupakan sumber utama pengeluaran produk daging dan tenusu.

Kadar sara hidup (SHL) bagi produk-produk daging (lembu dan kambing) serta tenusu adalah masih rendah.

Bagi memenuhi permintaan pasaran domestik yang sentiasa meningkat saban tahun mendorong kepada peningkatan import produk sama ada ternakan hidup, produk daging dan tenusu serta makanan ternakan dari luar negara.

Beberapa langkah perlu diwujudkan di dalam kerangka pembangunan industri ternakan bagi menangani masalah ini agar hasil ternakan tempatan dapat ditingkatkan seterusnya dapat menjamin keselamatan makanan dalam negara.

Antara usaha yang dilakukan termasuklah pengajuaran Persidangan Makanan Ternakan Antarabangsa (ICAN) yang dianjurkan dua tahun sekali bagi membincangkan isu-isu serta penemuan saintifik melalui aktiviti penyelidikan berkaitan dengan industri ternakan.

Usaha ini akan memberi peluang kepada pelbagai pihak seperti swasta, universiti dan institusi penyelidikan berkongsi idea dan pandangan melalui seminar yang dianjurkan seterusnya mencari penyelesaian kepada masalah berbangkit.

Pengajuaran ICAN kali kelima pada minggu depan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JVV), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan RISDA serta disokong oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan memberi fokus kepada pencapaian penyelidikan dalam bidang ternakan sejak lima tahun kebelakangan ini sesuai dengan tema yang digunakan iaitu *Inovasi Dalam Nutrisi dan Pemakanan Haiwan Untuk Pengeksporan dalam Industri Ternakan*.

Menurut Pengarah Pusat Penyelidikan Ternakan Strategik MARDI, Dr. Azizan Ab Rashid, persidangan tersebut akan memberi tumpuan kepada pembentangan beberapa isu.

"Antaranya hasil penyelidikan dan pembangunan berkaitan dengan industri ternakan yang telah dijalankan oleh saintis dan penyelidik dari dalam dan luar negara yang dapat memberi sumbangan kepada industri ternakan negara" katanya ketika ditemui di pejabatnya di Serdang baru-baru ini.

Mengulas lanjut Dr. Azizan berkata, terdapat tiga perkara penting yang perlu diberi perhatian dalam membangunkan

industri ternakan ketika ini.

Tiga perkara penting itu ialah berkaitan dengan operasi atau pengurusan ladang pada kos yang efektif, membangunkan formula makanan ternakan dari sumber yang bersih lagi halal, serta mengoptimalkan penggunaan bahan mentah tempatan.

Ketiga-tiga perkara tersebut perlu dipertimbangkan memandangkan kos keseluruhan pengurusan ladang meliputi aspek pengurusan dan penjagaan ternakan serta pemakanan. Kos makanan ternakan sahaja meliputi dua per tiga atau 70 peratus daripada kos keseluruhan pengurusan ladang tersebut.

Oleh itu, penyelidikan dan pembangunan perlu memberi tumpuan kepada ketiga-tiga perkara tersebut bagi menjamin bekalan pada penguasaan makanan ternakan dan peniternak dari segi kos seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup mereka.

Antara langkah untuk mengatasi masalah tersebut adalah dengan memanfaatkan bahan sampingan industri asas tani (IAT) seperti hampas sagu, hampas soya atau pelesah sawi sebagai makanan haiwan.

Biasanya hasil buangan ini tidak tahan lama, tetapi melalui usaha penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan ke atas bahan tersebut akan dapat menyelesaikan masalah ini.

Sebagai contoh, MARDI telah berjaya menghasilkan GENKIMO melalui proses fermentasi dan pemenciran secara semula jadi yang menggunakan 100 peratus bahan organik tempatan.

Ia dapat membantu meningkatkan kesihatan ternakan, kualiti persekitaran, daya tumbesaran pada turbin serta ketahanan terhadap penyakit.

Dengan menggunakan produk berkenaan dapat mempercepatkan proses fermentasi silaj atau makanan ternakan berdasarkan rumput kepada 14 hari masa pemeraman.

Bagi mengoptimalkan penggunaan bahan mentah tempatan, Dr. Azizan berkata, satu kaedah yang mudah untuk merumuskan formula makanan ternakan, dengan mengambil lembu tenusu sebagai contoh, seekor lembu tenusu memerlukan kira-kira 21 peratus serbuk kasar daripada jumlah makanan tersebut.

"Setiap 10 kilogram berat lembu tenusu, memerlukan dua kilogram serbuk atau sumber mudanya ialah rumput," ujarnya.


Bagi lembu pedaging pula, penternak biasanya menggunakan deda isirung kelapa sawit (PKC) kerana ia mudah diperolehi, sebagai makanan lengkap untuk penggemukan antara empat ke enam bulan.

Selain itu, penternak juga perlu mengetahui bahawa dalam makanan ternakan, 2.5 peratus daripada berat mestilah bahan makanan kering.

Sebagai contoh, jika berat seekor ternakan ialah 100 kilogram (kg) maka, 2.5



MARDI telah berjaya menghasilkan satu rumusan makanan ternakan dalam bentuk pelet yang sedang diuji keberkesanannya.



DR. Azizan Ab. Rashid menunjukkan kambing Shami yang digunakan dalam penyelidikan makanan rumusan baru hasil kajian MARDI di Serdang, Selangor.